

Kanser pembunuh nombor satu

Lebih 90 peratus barah payudara mampu dirawat jika dapat dikesan awal

Oleh Halina Mohd Noor
halina_nidnoor@bh.com.my

Jumlah wanita menjalani ujian mamogram bagi mengesan kanser payudara di negara ini masih rendah berbanding di Barat seperti Amerika Syarikat (AS).

Hampir 50 peratus wanita di negara ini hanya dikesan mengalami kanser tahap empat berbanding lima peratus di AS.

Mamogram amat digalakkan untuk mengesan dan mengenalpasti lebih awal ketumbuhan pada payudara dalam kalangan wanita berusia 40 tahun ke atas.

Perunding Onkologi Klinikal, Pusat Perubatan Sunway, Dr Nik Muhd Aslan Abdullah, berkata kegagalan mengesan awal kanser payudara menjadikan penyakit itu sebagai pembunuh nombor satu wanita di negara ini.

Kadar saringan mengesan awal kanser payudara masih rendah di negara ini dan berdasarkan pesakit mendapatkan rawatan kebanyakannya menghidap tahap akhir kanser itu.

Kajian lalu, mendapati hanya

lapan hingga 14 peratus wanita di Selangor pernah membuat mamogram.

"Pengesanan awal membolehkan rawatan lebih berkesan diberikan seterusnya meningkatkan peluang sembuh," katanya.

Kaedah rawatan

Beliau berkata, berbanding mamogram, kaedah mengesan sendiri menggunakan ketumbuhan payudara, kurang tepat kerana mungkin kanser sudah membesar antara dua sehingga tiga sentimeter.

Oleh itu, wanita berusia 40 tahun ke atas terutama yang ada sejarah keluarga menghidap penyakit itu wajar buat mamogram setahun atau dua tahun sekali.

Wanita usia bawah 40 tahun yang ada risiko tinggi boleh membuat Magnetic Resonance Imaging (MRI) sebagai ujian tambahan dan disarankan mendapat nasihat pakar bedah kanser payudara.

Lebih 90 peratus pesakit sembuh jika dapat mengesan awal dengan menjalani pembedahan.

Tidak semua kanser itu memerlukan kemoterapi, sebaliknya bergantung tahap dihidapi dengan ciri histologi barah berkenaan.

Sekiranya kanser masih pada tahap satu dan mempunyai ciri-ciri histologi kanser yang elok (good risk factor), kadang-kadang hanya perlu dibedah membuang ketumbuhan dan mungkin perlu menjalani radioterapi atau makan ubat.

Kesan awal bantu rawatan sembuh

Rawatan utama kanser payudara menerusi pembedahan membuang ketumbuhan, diikuti kemoterapi dan radioterapi mengikut tahap.

Berbeza dengan limfoma, rawatan utama menerusi kemoterapi dan kanser pangkal hidung atau nasofarink pula memerlukan rawatan radioterapi.

"Bagaimanapun, 20 sehingga 30 peratus pesakit menolak rawatan kemoterapi dengan alasan takut kesan sampingan dan tidak dapat galakan daripada keluarga dan

orang terdekat.

"Ketulan akan membesar dan merebak ke organ lain jika tidak buat kemoterapi. Ada kanser payudara dikenali, 'triple breast cancer' paling agresif dan sukar dirawat jika dikesan pada peringkat akhir," katanya.

Semangat tinggi, positif dan menjaga pemakanan membantu melancarkan rawatan dan mengurangkan kesan sampingan.

Pemakanan sihat termasuk elakkan makanan berlemak dan gula serta banyakkann makan sayur dan buah, selain beriadah.

Dr Nik Muhd Aslan menyasarkan pesakit mengelakkan mengambil ubat alternatif lain atau menggabungkan ubat hospital dikhuatiri boleh memburukkan kanser.

"Sesiapa sahaja boleh mendapat kanser berpunca daripada pencemaran alam sekitar, genetik, diet dan gaya hidup tidak sihat.

"Cara paling selamat adalah mengesan awal barah kerana ia boleh dirawat dan peluang untuk sembuh lebih tinggi," katanya.

Info

Jenis kanser payudara

Invasif karsinoma

- Kanser bermula di dalam kelenjar susu.
- Invasif bermakna sel barah merebak keluar daripada kelenjar susu dan berupaya merebak ke bahagian tubuh lain.

HER2 positif

- Kanser melalui ujian menunjukkan hasil positif kepada protein yang dikenali sebagai, human epidermal growth factor receptor 2 (HER2).
- Gene yang terabit dengan penghasilan HER2 didapati menggalakkan pertumbuhan sel barah.

ER positif

- Sel barah berkembang hasil tindak balas hormon estrogen.

Genetik kanser payudara (BRCA).

- Mutasi gene BRCA 1 dan BRCA 2.
- Bertanggungjawab meningkatkan risiko mendapat barah payudara dan ovari.

Tumor boleh membesar tetapi tidak menyebar ke bahagian tubuh yang jauh

Metastasis nodus limfa berganda



Ketulan akan membesar dan merebak ke organ lain jika tidak buat kemoterapi. Ada kanser payudara dikenali, 'triple breast cancer' paling agresif dan sukar dirawat jika dikesan pada peringkat akhir."

Dr Nik Muhd Aslan Abdullah,
Perunding Onkologi Klinikal, Pusat Perubatan Sunway

